



TARIKH	3 OKTOBER 2025 (JUMAAT)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	BANGSA MEMBACA, BANGSA BERJAYA		
M/S	7 (LOKAL)	KATA KUNCI	READING, LET'S READ TOGETHER FOR
BIDANG	MANAGEMENT	10 MINUTES, WORLD BOOK DAY, PNM	

Harian Metro | Jumaat 03.10.2025

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

www.hmetro.com.my

7

10 min

baca bersama

10 min

Oleh Fairul Asmaini
Mohd Pilus
asmaini@mediapri-
ma.com.my

Membaca bukanlah sekadar hobi atau aktiviti mengisi masa lapang, sebaliknya ia merupakan asas pembinaan tamadun dan penjana utama kemajuan bangsa. Sejarah dunia membuktikan bahawa kegemilangan sesuatu peradaban lahir daripada budaya ilmu dan pembacaan yang subur. Tamadun Yunani, Rom, Andalusia dan tamadun Islam pada zaman kegemilangannya menjadikan perpustakaan serta pusat ilmu sebagai nadi utama pembangunan masyarakat.

Walaupun dunia kini sibuk mengejar teknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI), *blockchain*, *cloud* dan *Internet of Things* (IoT), asas sebenar kepada semua pengetahuan tetap lahir daripada membaca.

Tanpa membaca, ilmu tidak dapat diwariskan, teknologi tidak dapat dibangunkan, malah identiti bangsa akan terhakis.

DNA ilmu semua bidang

Membaca adalah 'DNA ilmu' yang menjadi teras kepada semua bidang, sama ada sains, teknologi, kejuruteraan, perubatan, ekonomi mahupun sains sosial dan kemanusiaan. Membaca memberi ruang kepada manusia untuk berfikir secara kritis, melahirkan inovasi, memperkayakan falsafah serta membina peradaban yang seimbang.

Oleh itu, membaca harus dinilai sama pentingnya dengan penguasaan teknologi moden kerana hanya dengan membaca, lahirlah masyarakat Madani yang berilmu, berakhlak dan mampu bersaing di pentas dunia.

Negara-negara maju telah lama menjadikan budaya membaca sebagai strategi nasional.

Finland, misalnya, diiktiraf sebagai negara dengan kadar literasi tertinggi di dunia kerana dasar pendidikannya menekankan pembacaan sejak usia kanak-kanak.

Jepun pula terkenal dengan tradisi membeli dan membaca buku yang menjadikan rakyatnya antara pengguna bahan bacaan terbesar dunia.

Korea Selatan membuktikan bahawa dengan menggabungkan perpustakaan digital dan budaya membaca, mereka berjaya melahirkan generasi muda yang celik teknologi serta kaya dengan ilmu pengetahuan. Pengalaman negara-negara ini jelas menunjukkan bahawa sebuah negara yang rajin membaca adalah negara yang berjaya.

Kempen Malaysia Membaca

Di Malaysia, usaha memperkukuh budaya membaca terus diagihkan melalui Kempen Malaysia Membaca yang dilancarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sepanjang bulan Oktober ini, bersesuaian dengan penganjuran Karnival Baca Perdana di seluruh negara.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, membaca bu-

TANPA membaca, ilmu tidak dapat diwariskan, teknologi tidak dapat dibangunkan, malah identiti bangsa akan terhakis.

MEMBINA TAMADUN MADANI MELALUI BUDAYA ILMU

Bangsa membaca, bangsa berjaya!

ketara dalam kadar bacaan rakyat Malaysia. Pada tahun 2005, purata rakyat hanya membaca dua buku setahun. Sepuluh tahun kemudian, jumlah itu melonjak kepada 15 buah buku, dan pada tahun 2023 ia meningkat kepada 24 buah buku setahun.

Daripada jumlah itu, purata 16 buku dibaca dalam bentuk fizikal, manakala 8 buku lagi dibaca secara atas talian.

Kajian terkini juga menunjukkan bahawa 88.6 peratus rakyat Malaysia adalah pembaca aktif, satu pencapaian yang membanggakan dan membuktikan keberkesanan dasar serta inisiatif kerajaan.

Bagi meningkatkan ketercapaian rakyat kepada bahan bacaan dan seterusnya memperkukuh amalan membaca, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah memperkenalkan u-Pustaka, sebuah platform digital yang menawarkan pinjaman dan rujukan bahan bacaan secara percuma.

Melalui inisiatif ini, masyarakat boleh mengakses pelbagai bahan digital termasuk e-buku, e-majalah, e-surat khabar, buku audio, e-pembelajaran dan e-jurnal dengan mudah pada bila-bila masa.

22 pangkalan data digital disediakan

Sehingga kini, u-Pustaka merekodkan sebanyak 2,985,170 rekod bibliografi dengan koleksi digital berjumlah 1,014,356 judul kandungan.

Selain itu, terdapat 22 pangkalan data digital disediakan untuk kegunaan pengguna, antaranya Overdrive, Alkem Digital Library, Mason Crest, Emerald eBook, iGate, Lawnet, Ookbee Buffet, Odilo dan MyGuru, menjadikan u-Pustaka sebagai gedung ilmu maya yang komprehensif dan inklusif untuk seluruh rakyat Malaysia.

Pendigitalan Khazanah Warisan Negara merupakan inisiatif jabatan untuk membangunkan koleksi digital melalui projek pendigitalan yang merangkumi Manuskrip Melayu, bahan nadir, koleksi peribadi, Koleksi Negara, mikrofilm surat khabar, terbitan jabatan, kertas persidangan serta keratan artikel ilmiah; sehingga Ogos 2025 sebanyak 74,766 judul telah berjaya didigitalkan dan boleh diakses

melalui portal MyRepositori dengan slogan 'i Klik, Seribu Pengetahuan, Sejuta Pengalaman', sekali gus membuka ruang luas kepada masyarakat untuk menghayati khazanah ilmu dan warisan negara secara mudah dan inklusif.

Perpustakaan masih relevan di Malaysia kerana fungsinya bukan sahaja sebagai pusat peminjaman buku, tetapi juga sebagai hab ilmu, teknologi dan komuniti yang berkembang dengan keperluan semasa; selain menyediakan ruang pembelajaran kondusif, perpustakaan kini menawarkan akses digital melalui platform seperti u-Pustaka, pelbagai program literasi, kelas kemahiran, aktiviti komuniti serta sumber rujukan akademik sukar diperoleh secara percuma di tempat lain, menjadikannya nadi penting dalam usaha membina masyarakat berilmu, mengukuhkan perpaduan serta mengekalkan budaya membaca di era teknologi tinggi.

Membaca harus digalakkan dan dipupuk secara sukarela, bukannya dipaksa, kerana minat membaca lahir daripada kesedaran dan rasa ingin tahu yang tulus; kerajaan telah melaksanakan pelbagai program, kempen dan inisiatif untuk menggalakkan budaya membaca, namun kejayaan sebenar bergantung kepada kesediaan masyarakat sendiri untuk menjadikan membaca sebagai amalan harian, kerana hanya apabila membaca dilihat sebagai satu nikmat dan keperluan, bukan beban atau arahan, barulah budaya ini dapat berkembang secara semula jadi dan berterusan, seterusnya melahirkan bangsa yang berilmu, berdaya fikir kritis serta mampu membina tamadun yang maju dan seimbang.

Membaca bina masyarakat seimbang

Maka jelaslah bahawa budaya membaca harus dijadikan asas dalam membina Malaysia Madani. Dengan membaca, kita bukan sahaja dapat menyai negara lain dalam bidang teknologi, tetapi juga membina masyarakat yang seimbang antara ilmu dan akhlak. Membaca adalah asas tamadun, penggerak perpaduan, dan kunci kejayaan bangsa.

Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--